

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI RABU, 15 NOVEMBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 71**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1523-L22483

**Datuk Suhaimi bin Nasir [ Libaran ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi mengatasi isu hartanah tidak terjual yang berpunca daripada ketidaksepadanan nilai hartanah dibina dengan kemampuan pemilikan rakyat.

2. PR-1523-L22036

**Dr. Hajah Halimah Ali [ Kapar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

(a) berapakah jumlah golongan miskin yang sudah didaftarkan bawah sistem eKasih; dan

(b) nyatakan progres kejayaan menoktahkan kemiskinan setakat ini selepas dimulakan secara keseluruhannya terutama di kawasan Parliment Kapar.

3. PR-1523-L21144

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha Kementerian bagi menghadapi cabaran pembangunan berterusan di Kuala Lumpur memandangkan kadar pertumbuhan penduduk semakin meningkat di Kuala Lumpur. Pembangunan berterusan boleh menyebabkan masalah trafik, isu alam sekitar bandar, isu petempatan dan perumahan dan sebagainya.

4. PR-1523-L21970

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :

- (a) perancangan Kementerian dalam menghadapi masalah kekurangan bekalan barang asas seperti gula, telur ayam, minyak masak, tepung gandum dan lain-lain; dan
- (b) bagaimanakah tindakan Kementerian menyelesaikan masalah kenaikan harga barang tersebut oleh pembekal dan peruncit.

5. PR-1523-L22634

**Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [ Lumut ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang Kerajaan perlu tanggung setiap tahun sejak 2020 bagi menampung kos perubatan veteran berpencen dan veteran tidak berpencen di bawah Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Angkatan Tentera Malaysia.

6. PR-1523-L22225

**Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh mana Pelan Hala Tuju Teknologi Bahan Termaju Nasional yang telah dilancarkan dapat membantu perancangan Kerajaan untuk memanfaatkan sumber-sumber *Rare Earth Element (REE)* yang ada di dalam negara kita.

7. PR-1523-L21634

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam meletakkan martabat kejayaan atlet yang mengharumkan nama negara sebaris kejayaan ikon serta tokoh sektor-sektor lain.

8. PR-1523-L22542

**Tuan Rushdan bin Rusmi [ Padang Besar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan konsep sewa beli untuk pembeli rumah pertama, adakah konsep sewa beli ini akan dilaksanakan oleh institusi kewangan seperti bank atau akan melalui agensi kerajaan seperti SPNB dan PR1MA atau koperasi.

9. PR-1523-L21502

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan status terkini penubuhan Majlis Media Malaysia.

10. PR-1523-L21674

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan Kerajaan dalam menangani masalah ketirisan penjualan minyak petrol bersubsidi (RON 95) di stesen-stesen minyak berdekatan sempadan negara dan diesel bersubsidi secara haram di sempadan maritim negara.

11. PR-1523-L22066

**Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [ Kalabakan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah projek bawah RM50 juta di Sabah dan Sarawak yang telah diluluskan dan dilaksanakan setelah penurunan kuasa ini dijalankan.

12. PR-1523-L22300

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelan tindakan pihak Kementerian melalui Jawatankuasa Road To Gold (RTG) bagi persiapan para atlet negara menghadapi temasya Sukan Olimpik Paris 2024.

13. PR-1523-L21611

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah yang diambil bagi meningkatkan kesiapsiagaan anggota bomba hadapi bencana khususnya terkait penyelesaian permasalahan projek pembinaan balai bomba yang sakit.

14. PR-1523-L21981

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan SOP penganjuran konsert-konsert yang melibatkan artis-artis luar negara mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan supaya tidak bercanggah dengan nilai kesopanan dalam Islam diikuti oleh pihak penganjur.

15. PR-1523-L21836

**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci apakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi kerja-kerja mengukur tanah Native Customary Rights (NCR) di Sarawak di bawah RMK12 dan apakah bentuk kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri di dalam membantu mempercepatkan proses pengeluaran Geran NCR.

16. PR-1523-L22294

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) usaha memperkasakan peraturan spesifikasi struktur bangunan yang berdaya tahan menghadapi bencana alam; dan
- (b) langkah penguatkuasaan peraturan tersebut.

17. PR-1523-L21456

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Luper ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan masalah liputan internet yang amat teruk di sekitar Pusa, Beladin dan Lingga dan apakah tindakan oleh Kementerian dalam menyelesaikan masalah ini yang telah lama berlarutan.

18. PR-1523-L21734

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjung Karang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan pelan tindakan semasa oleh Kerajaan bagi menangani perbezaan jurang kos perbelanjaan sara hidup bagi rakyat yang tinggal di dalam bandar dan di luar bandar berikutan peningkatan harga barang mentah yang dilihat semakin terus meningkat mutakhir ini.

19. PR-1523-L21180

**Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana Kementerian dengan kerjasama Bank Negara dapat memantau dan menetapkan jumlah maksimum kadar faedah yang boleh dikenakan oleh syarikat pemberi wang berlesen agar ia tidak akan membebani dan menganiaya pengguna.

20. PR-1523-L21681

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah peraturan-peraturan bagi pihak pengajur untuk menganjurkan konsert terutamanya melibatkan artis antarabangsa di Malaysia dan apakah langkah-langkah yang sewajarnya diambil bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku sewaktu pengajuran konsert itu berlangsung.

21. PR-1523-L21205

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha yang sedang diambil oleh Kementerian dalam menggalakkan pembudayaan kitar semula bahan pembuangan khususnya kepada penduduk luar bandar selaras dengan pembentukan Majlis Ekonomi Kitaran Kebangsaan (*National Circular Economy Council*).

22. PR-1523-L22432

**Dr. Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memasukkan ahli waris pihak yang terlibat dalam kes bunuh sebagai salah seorang anggota Lembaga Pengampunan sepertimana yang termaktub dalam Perkara 42(5) Perlembagaan Persekutuan.

23. PR-1523-L21618

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah bantuan yang telah disalurkan kepada Kerajaan Palestin sejak awal pentadbiran bagi membantu mengurangkan bebanan yang dihadapi rakyat Palestin.

24. PR-1523-L22583

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pendirian dan usaha pihak Kementerian ke atas penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) yang mempunyai kemampuan untuk berpindah (47% berdasarkan kajian PPR oleh Khazanah Research Institute Mei 2023) menamatkan penyewaan dan memberi peluang kepada individu lain yang lebih memerlukan.

25. PR-1523-L21647

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah yang dilaksana oleh pihak Kementerian dalam memastikan tiada penyalahgunaan minyak masak bersubsidi serta bagaimana Kementerian mengekang masalah penjualan minyak masak bersubsidi ini kepada warga asing.

26. PR-1523-L22562

**Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan Rang Undang-undang Dana Politik serta sejauh mana semakan diadakan terhadap akta-akta lain yang berkaitan seperti Akta SPRM 2009 bagi mengawal selia pendanaan parti politik dalam negara.

27. PR-1523-L21884

**Tuan Jimmy Puah Wee Tse [ Tebrau ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) undang-undang yang boleh diambil bagi mengatasi masalah kereta terbiar dan sekiranya tiada, adakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk menggubal sebarang undang-undang bagi mengatasi masalah ini; dan
- (b) berapa jumlah kereta terbiar yang telah dilupuskan oleh kerajaan tempatan di seluruh Malaysia setakat tahun 2023.

28. PR-1523-L21852

**Puan Rodziah binti Ismail [ Ampang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebarang cadangan untuk memindahkan hal-ehwal pembangunan Kampung-Kampung Tradisi dan Baru/Bagan (Cina) tersusun dalam bandar terutama di negeri-negeri maju seperti Selangor dan Pulau Pinang ke bawah jurisdiksi KPKT, dilihat lebih sesuai untuk menyelesaikan pelbagai isu infrastruktur dan bukan infrastruktur mereka.

29. PR-1523-L21534

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan peningkatan harga barang dan juga gangguan dalam rantaian bekalan membabitkan beberapa jenis barang keperluan seperti minyak masak, telur ayam dan beras yang pernah dihadapi negara meresahkan pengguna. Apakah jaminan dan langkah Kementerian menangani situasi ini di masa akan datang.

30. PR-1523-L22266

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [ Sembrong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah perniagaan dalam talian seperti TikTok Shop memberi kesan terhadap perniagaan yang memiliki premis memandangkan Kerajaan Indonesia sedang mempertimbangkan untuk melarang ciri TikTok Shop daripada beroperasi.

31. PR-1523-L22309

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) tindakan bagi menyelesaikan masalah kuarters Kerajaan di seluruh Malaysia yang terbiar dan usang; dan

- (b) adakah Kementerian berhasrat memanfaatkan kuarters itu kepada agensi-agensi Kerajaan yang lain atau membuka untuk disewa agar rakyat juga dapat memanfaatkan dan mengelakkan pembaziran.
32. PR-1523-L21494  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini penyediaan Dasar Industri Pertahanan Negara yang dinyatakan dalam Kertas Putih Pertahanan.
33. PR-1523-L21974  
**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kajian keselamatan dan kesejahteraan rakyat dengan pemasangan CCTV di tempat-tempat tumpuan khususnya di pusat bandar utama seluruh negara.
34. PR-1523-L22246  
**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah perbelanjaan yang dihabiskan bagi memasang "billboard" atau papan iklan Malaysia Madani di seluruh negara sejak pembentukan Kerajaan campuran pada bulan November yang lepas sehingga sekarang.
35. PR-1523-L21134  
**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [ Tampin ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pertimbangan Kementerian bagi membangunkan fasiliti sukan di daerah Tampin menerusi pembinaan padang kriket di SMK Bukit Rokan dan trek balapan di SMK Jelai, Gemas supaya dapat dimanfaatkan oleh penduduk setempat.
36. PR-1523-L22614  
**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan pelan tindakan semasa dan jangka panjang yang telah dan bakal diambil bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat terutamnya yang melibatkan keperluan asas dan harian.

37. PR-1523-L21808

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan dalam menangani masalah pengguna terpaksa membeli gula mahal yang merujuk kepada keadaan di mana para pengguna terpaksa membeli gula premium yang harganya tidak dikawal. Mohon perjelaskan sama ada pengeluaran 42,000 tan metrik sebulan gula biasa mencukupi untuk pasaran runcit.

38. PR-1523-L22521

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha yang diambil bagi menyelaraskan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam bagi negeri-negeri yang sudah mewartakan undang-undang tersebut.

39. PR-1523-L21052

**Tuan Onn bin Abu Bakar [ Batu Pahat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan PM10 telah menjadikan Sri Perdana sebagai Pusat Kegiatan Dakwah dan Kebajikan Rakyat. Adakah pihak JAKIM telah membuat kajian impak atas langkah tersebut dan sejauh mana langkah ini memberi kesan serta apakah langkah untuk mengimarahkan program ini.

40. PR-1523-L22434

**Dr. Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan dimartabatkan dan Mahkamah Syariah dihormati sebagai institusi kehakiman Islam untuk menghentikan tindakan sesetengah pihak yang sentiasa berusaha mencabar bidang kuasa Kerajaan-Kerajaan Negeri berkaitan undang-undang Islam.

41. PR-1523-L21410

**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dengan terperinci definisi, julat, saiz dan harga siling rumah mampu milik yang digunakan bagi setiap negeri dan apakah mekanisme yang akan digunakan bagi mencapai sasaran membina 500,000 unit Rumah Mampu Milik di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dan berapa daripada jumlah tersebut akan dibina di Sabah.

42. PR-1523-L22162

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah jaminan dan komitmen Kementerian untuk memastikan pembinaan sebuah Balai Bomba dan Penyelamat kategori D benar-benar dapat dibina dan disiapkan segera di kawasan Parlimen Julau sepetimana yang telah dirancang di dalam Rolling Plan Kedua (RP2) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

43. PR-1523-L22092

**Tuan Roslan bin Hashim [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah rumah generasi kedua FELDA diteruskan seperti yang telah dirancangkan.

44. PR-1523-L22124

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan dalam meminda Perlembagaan Persekutuan bagi memberi kuasa lebih luas kepada Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menggubal perundungan berkaitan kesalahan jenayah syariah sebagaimana titah KDYMM Sultan Selangor.

45. PR-1523-L22123

**Tuan Syahredzan bin Johan [ Bangi ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan status siasatan oleh CyberSecurity Malaysia dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi mengenai kebocoran maklumat peribadi membabitkan 13 juta pengguna yang dilaporkan pada bulan Disember 2022 serta langkah-langkah yang diambil untuk melindungi maklumat peribadi dalam pangkalan data badan awam.

46. PR-1523-L22496

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha membina, membaiki dan menaik taraf balai-balai bomba yang usang dan peralatan-peralatan yang uzur dan rosak terutamanya dalam Parlimen Baling.

47. PR-1523-L22206

**Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [ Segamat ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bagaimanakah agensi penguatkuasa Kementerian memantau serta membanteras sindiket yang memanipulasi individu warganegara asing untuk melakukan pembelian barang berjenama yang dijual secara terhad di sesbuah butik dengan tujuan untuk mengaut keuntungan atas angin menerusi penjualan semula pada harga yang lebih tinggi.

48. PR-1523-L21320

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini mengenai usaha untuk mereformasi institusi melalui penubuhan sebuah pasukan khas yang merangkumi pemegang taruh berkaitan dan sama ada Kerajaan bercadang memasukkan wakil atau bekas banduan sebagai sebahagian daripada pasukan khas ini.

49. PR-1523-L21643

**Tuan Suhaihan bin Kiat [ Pulai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk memperkasa Sekretariat Muafakat Komuniti di Program Perumahan Rakyat(PPR) dengan peningkatan peruntukan bagi mencapai kesejahteraan hidup dan mewujudkan generasi mampan memandangkan bahawa terdapat masalah sosial yang membimbangkan di kawasan ini.

50. PR-1523-L21446

**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berdasarkan maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS), jumlah pegawai awam Persekutuan daripada kaum India yang sedang berkhidmat ketika ini adalah 41,168 orang iaitu 4.15% daripada jumlah keseluruhan penjawat awam. Apakah usaha-usaha Kerajaan bagi meningkatkan pengambilan dan pelantikan calon kaum India kepada 7% selari dengan nisbah komposisi penduduk kaum India di Malaysia.

51. PR-1523-L22626

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan perkembangan terkini perancangan untuk melaksanakan lesen khas perniagaan dalam talian bagi mengekang isu penipuan transaksi dalam talian.

52. PR-1523-L21296

**Puan Syerleena binti Abdul Rashid [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah kes keganasan rumah tangga, rogol, sumbang mahram, pencabulan kehormatan, liwat, mengaibkan kehormatan dan jenayah seksual kanak-kanak pada tahun 2018 - 2022 di mana pelaku dituduh di mahkamah disabitkan kesalahan selepas perbicaraan penuh mengaku salah dan dihukum.

## 53. PR-1523-L21384

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pandangan dan pertimbangan Kerajaan terhadap gesaan untuk melaksanakan pemetaan semula persempadanan perairan Singapura dan Johor terutama di perairan Selat Tebrau susulan insiden nelayan tempatan dihalau pihak berkuasa Singapura ketika memasang jaring udang di kawasan Pasir Laba.

### **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2024 (D.R.31/2023) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024 seperti berikut :**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari sembilan puluh dua bilion ringgit (RM92,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2024, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 34 Tahun 2023, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

**Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis ( 14 November 2023 )**

2. ( D.R. 36/2023 ) Rang Undang-Undang Kewangan (No.2) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**  
**[ Menteri Kewangan ]**
3. ( D.R. 33/2023 ) Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ( 12 Oktober 2023 )**  
**[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ]**
4. ( D.R. 25/2023 ) Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 – **Bacaan Kali Yang Kedua**

Dan;

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Ahli Parlimen Kuala Selangor akan mencadangkan :

**“BAHAWA** Penyata yang disiapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan untuk mengkaji Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas DR. 8 Tahun 2023 diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60”.

5. ( D.R. 26/2023 ) Rang Undang-Undang Makanan (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**  
[ Menteri Kesihatan ]

6. PR-1523-U(27)278  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menangani isu gangguan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang kian meruncing susulan tindakan India menghentikan eksport beras putihnya ke pasaran.

Langkah penetapan had pembelian maksimum 100kg BPT untuk setiap individu dan syarikat bermula 7 September 2023 hanyalah penyelesaian yang bersifat sementara dan Kerajaan seharusnya mula merangka satu pelan yang lebih tuntas dalam usaha menjamin keterjaminan bekalan beras di Malaysia bagi jangka masa yang panjang.

Kerajaan perlu segera mewujudkan rangka tindakan yang lebih komprehensif bagi mengurangkan impak inflasi makanan global dari terus menghimpit rakyat negara ini khususnya berkaitan beras yang menjadi makanan ruji kita semua."

[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]

7. PR-1523-U(27)279  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan."

[ Menteri Dalam Negeri ]

8. PR-1523-U(27)280

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah-buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan.

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

9. PR-1523-U(27)281

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan Jumlah Kadar Kesuburan (Total Fertility Rate) bagi rakyat Malaysia terus meningkat.

Negara kita telah beralih ke status negara menua pada tahun 2021. Hal Ini kerana peratusan penduduk berusia 65 tahun dan ke atas telah mencapai 7% daripada jumlah populasi. Trend ini menunjukkan peningkatan dalam dua tahun lalu pada kadar 0.2 peratus setahun di mana pada tahun 2022 sebanyak 7.2% dan dijangka pada tahun 2023 mencapai 7.4%.

Dalam tempoh dua dekad lagi, negara dijangka beralih kepada negara tua apabila kohort umur yang sama mencapai 14% daripada jumlah populasi. Peralihan ini tentunya memberikan kesan yang paling ketara iaitu kepada penurunan trend populasi pekerja dan produktiviti. Bagi menghadapi cabaran dan dampak negara menua, kita perlu mencari jalan memperlahangkan proses penuaan ini. Proses penuaan ini tidak boleh dihalang atau diberhentikan tetapi kita perlu mempunyai pelan persediaan bagi menghadapi situasi tersebut.

Jika kita teliti jumlah peratusan struktur umur penduduk yang berumur 0-14 tahun berlaku penurunan pada kadar 0.4% bagi 3 tahun iaitu ; tahun 2020 sebanyak 24%, 2021 sebanyak 23.6%, 2022 sebanyak 23.2%, dan 2023 sebanyak 22.6%.

Umum mengetahui negara-negara jiran dan serantau juga menghadapi perkara penurunan bagi jumlah kadar kesuburan, tetapi kadar tersebut agak perlahan penurunannya. Sehubungan itu, objektif kita agar dapat melandaikan graf penurunan ini bagi negara kita.

Persoalan saya, apakah kemampuan hospital Kerajaan dalam meningkatkan kemampuan kesihatan reproduktif. Berapa jumlah Hospital yang menyediakan perkhidmatan IUI dan IVF. Berapa ramai doktor pakar reproduktif masih berkhidmat di hospital Kerajaan. Adakah harga perkhidmatan yang dikenakan mampu diakses oleh rakyat. Berapa jumlah makmal reproduktif.

Dewan Rakyat juga perlu mencadangkan agar Kerajaan menetapkan polisi yang mampan seperti fleksibel waktu bekerja, yuran pusat penjagaan kanak yang mampu bayar, perbanyakkan pusat asuhan ditempat kerja, dan *paternity leave* kepada ibu bapa yang bekerja untuk meringankan bebanan mereka dalam meningkatkan kadar reproduktif rakyat Malaysia. *Population Complexity* ini yang harus kita uruskan dengan penuh keberanian dan semua pihak kena bersama-sama."

### **[ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ]**

10. PR-1523-U(27)283

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah Kertas Putih Imigresen yang membincangkan tentang kadar atau jumlah sebenar kemasukan pelawat asing ke negara Malaysia.

Perkara ini bertujuan untuk mengetahui pergerakan pelawat asing berkenaan sama ada mereka terus tinggal di Malaysia atau dalam satu tempoh tertentu. Menerusi ini kita akan mengetahui jumlah sebenar populasi rakyat di negara ini melalui pengenalpastian perbezaan antara jumlah Warganegara Malaysia, Jumlah Pelawat Asing yang masuk ke negara kita sebagai pekerja ataupun dengan tujuan melancong.

Hal ini, akan memudahkan Kerajaan untuk merangka dan melaksanakan pelbagai pelan inisiatif mahupun bantuan seperti subsidi bersasar dan lain-lain agar setiap pelaksanaan tersebut dinikmati oleh rakyat di negara kita."

### **[ Menteri Dalam Negeri ]**

11. PR-1523-U(27)286

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menerima hakikat bahawa lebih 100,000 calon peperiksaan SPM pada tahun 2022 telah gagal dalam mata pelajaran dan sekaligus gagal mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menerima hakikat juga bahawa kegagalan dalam peperiksaan SPM ini mengakibatkan masa depan yang gelap kepada calon pada purata 70 ribu hingga 100 ribu setahun.

Menerima hakikat bahawa pelajar tercicir ini tidak ada lagi ruang untuk melanjutkan pelajaran maka segolongan pelajar tercicir ini akan menjadi kerugian dalam sumber tenaga kerja negara.

Dan menerima hakikat bahawa matlamat mendidik sebuah generasi pelajar untuk membina dan membangun negara kita telah gagal maka Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang serius terhadap masalah ini.

Maka dengan itu Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar silibus dan buku-buku teks Subjek Sejarah Tingkatan Satu, Dua, Tiga, Empat dan Tingkatan Lima hendaklah dikaji semula dan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen hendaklah ditubuhkan untuk mendapat pandangan daripada setiap lapisan masyarakat daripada seluruh pelusuk negara, dan pada masa yang sama Jemaah Kabinet hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Kajian Semula Silibus dan Buku Teks Sejarah yang dianggotai oleh Menteri-Menteri yang mewakili Sabah, Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu dan parti-parti politik yang menubuhkan Kerajaan Perpaduan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

12. PR-1523-U(27)287

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini Menerima hakikat bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja yang ditubuhkan oleh Kerajaan suatu ketika dahulu telah berjaya membuat siasatan dan seterusnya telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini.

Dan menerima hakikat bahawa setelah sekian lama laporan tersebut telah gagal dilaksanakan dan mengakibatkan ketidakpuasan hati sebahagian besar daripada rakyat Malaysia.

Menerima hakikat juga bahawa rakyat tertanya-tanya apakah yang telah terjadi dengan laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja tersebut.

Dan menerima hakikat bahawa kecelaruan urus tadbir Pendatang Tanpa Izin; Penduduk Asing di Sabah yang mempunyai Kad Pengenalan yang meragukan; Peningkatan Bilangan penduduk di Sabah Tanpa Kewarganegaraan ataupun *stateless children* dan kehadiran orang asing yang memegang dokumen IMM13 yang tidak ada halatuju.

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk meneliti dan mengkaji semula rekomendasi dan perakuan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin untuk merumuskan suatu Road Map penyelesaian tuntas terhadap masalah oleh empat kategori penduduk golongan pendatang asing di Sabah."

### [ Menteri Dalam Negeri ]

13. PR-1523-U(27)290

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi. Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini. Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 dan M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan. Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

### [ Menteri Pendidikan ]

14. PR-1523-U(27)291

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani serta menghentikan kes jenayah dera kanak-kanak di negara ini. Menteri Dalam Negeri pada 14 Mac 2023 melaporkan bahawa terdapat 220 kes kanak-kanak mati akibat penderaan antara tahun 2018 hingga 2022. Data Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat antara Januari hingga Jun 2022 juga mendedahkan terdapat 1,055 kes penderaan kanak-kanak di negara ini. Kanak-kanak adalah masa depan negara. Lantaran itu, pihak kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah-langkah pro-aktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala, meneliti semula undang-undang serta garis panduan berkenaan penjagaan kanak-kanak, meningkatkan kesedaran masyarakat, dan lain-lain."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

15. PR-1523-U(27)292

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang lebih pro-aktif dan efisyen bagi meningkatkan kesedaran, tindak balas, dan kerjasama masyarakat dalam menghadapi bencana alam. Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara pada akhir tahun ini serta pembangunan Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh (SAATR). Inisiatif ini akan dapat meningkatkan kecekapan tindak balas bencana agensi-agensi berkaitan. Bagaimana pula dengan tindak balas masyarakat.

Apa yang telah dan sedang Kerajaan usahakan bagi memastikan rakyat bukan sahaja peka tetapi takut dan patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Kerajaan perlu menguatkuasakan Akta Pertahanan Awam 1951, Akta 221 bawah seksyen 4 (C) di mana tindakan boleh diambil ke atas mereka yang tidak patuh kepada arahan pihak berkuasa contohnya arahan untuk berpindah dalam situasi banjir yang boleh membahayakan penduduk dan pada masa yang sama memberi risiko kepada penyelamat."

**[ Perdana Menteri ]**

16. PR-1523-U(27)293

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara teperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

17. PR-1523-U(27)294

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

18. PR-1523-U(27)295

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendarangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

19. PR-1523-U(27)296

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

**[ Perdana Menteri ]**

20. PR-1523-U(27)297

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMK-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan Negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan Negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu. Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek."

**[ Menteri Ekonomi ]**

21. PR-1523-U(27)298

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar '*rebranding*' daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan

Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

**[ Perdana Menteri ]**

22. PR-1523-U(27)299

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ]**

23. PR-1523-U(27)300

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

**[ Perdana Menteri ]**

24. PR-1523-U(27)301

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidaklangsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

25. PR-1523-U(27)302

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

**[ Menteri Kewangan ]**

26. PR-1523-U(27)303

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu."

**[ Menteri Komunikasi dan Digital ]**

27. PR-1523-U(27)304

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

28. PR-1523-U(27)305

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan keluar dan masuk sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu. Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya. Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu. Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya 'Free Flow' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 197	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) Bagi Tahun 2021	15 November 2023
ST. 198	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) Bagi Tahun 2021	15 November 2023
ST. 199	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Bagi Tahun 2021	15 November 2023
ST. 200	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) Bagi Tahun 2021	15 November 2023
ST. 201	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) Bagi Tahun 2021	15 November 2023

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 15.11.2023 (Rabu)	1. YB Tuan Manndzri bin Nasib (Tenggara)	1. Inisiatif TVET <i>Collaboration Hub</i> (TCH)	1. YB Menteri Sumber Manusia
2. 15.11.2023 (Rabu)	2. YB Tuan Manndzri bin Nasib (Tenggara)	2. Projek Perumahan Mampu Milik	2. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
3. 15.11.2023 (Rabu)	3. YB Tuan Lim Lip Eng (Kepong)	3. Perolehan Ventilator Rosak Tanpa Melalui Prosedur Operasi Standard Perolehan	3. YB Menteri Kesihatan
4. 15.11.2023 (Rabu)	4. YB Tuan Lim Lip Eng (Kepong)	4. Kebajikan Gelandangan yang Sakit Mental	4. YB Menteri Kesihatan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**